



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 4/2023**

17 APRIL 2023 | ISNIN

11.00 PAGI | BILIK SIANTAN

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' (Dr)
Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,
Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.4/2023** bagi bulan **April**
pada pagi yang berbahagia ini.

1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 31 Mac 2023, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa Tahun 2023 sebanyak RM 47 juta (83.36%) daripada RM 57 juta.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 4.9 juta (41.40%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 12 juta.

2. NOTIS (BORANG E)

- 2.1 Untuk makluman, pihak MPS telah mengeluarkan notis (Borang E) kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan selepas tamat tempoh bayaran pada 28 Februari 2023 yang lalu dengan caj tambahan sebanyak RM 20.00. Tempoh notis telah tamat pada 31 Mac 2023 yang lepas. Pemilik akan dikenakan tindakan waran tahanan dengan caj tahanan sebanyak RM 100.00 bermula April 2023.
- 2.2 MPS juga sedang mengadakan kempen bayaran cukai taksiran melalui dalam talian (online) iaitu MyMPS, Lazada, Shopee dan Cepat bermula Januari 2023.

3. PERBAHARUI DAN BAYAR LESEN PERNIAGAAN DI PORTAL MYMPS

- 3.1 Selain itu, MPS juga telah menaiktaraf portal MyMPS. Para peniaga boleh membuat semakan, memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan serta perancang di pautan <https://mymps.mps.gov.my>.
- 3.2 Jumlah kutipan yang diterima pada bulan Mac 2023 merangkumi:
- i. Lesen perniagaan sebanyak RM 357,346.42 iaitu sebanyak 423 transaksi,
 - ii. Sewaan gerai sebanyak RM 250,373.50 iaitu sebanyak 720 transaksi,
 - iii. Permit bangunan dan perancang sebanyak RM 255,464.70 iaitu sebanyak 27 transaksi.

4. INISIATIF KHAS AIDILFITRI KITA SELANGOR

- 4.1 Seperti semua sedia maklum, selaras dengan pengumuman Kerajaan Negeri dalam pemberian

Inisiatif Khas Aidilfitri Kita Selangor kepada semua penjawat awam di Negeri Selangor, MPS akan mengagihkan bantuan khas kewangan Aidilfitri tersebut iaitu sebulan gaji dengan minimum RM1,000.00 kepada Ahli-ahli Majlis dan semua warga MPS.

- 4.2 Dikesempatan ini, saya mewakili seluruh warga MPS ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor atas pengumuman ini dan diharapkan inisiatif ini dapat memberi kelegaan dan menambah semangat kita semua selain meneruskan momentum sedia ada.

5. KAJI SELIDIK BELANJAWAN 2024 MPS

- 5.1 Bagi memastikan perancangan belanjawan 2024 MPS mampan, komprehensif dan inklusif serta memenuhi kehendak *stakeholder* MPS, satu Kaji Selidik Belanjawan 2024 MPS akan dijalankan secara dalam talian bermula 1 hingga 22 April 2023.
- 5.2 Keterlibatan masyarakat di pentadbiran Selayang untuk menjalankan kajian berkenaan infrastruktur, perkhidmatan, kemudahan awam dan sosial dan

kemasyarakatan selain memberi pandangan terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh MPS adalah amat dialu-alukan.

- 5.3 Oleh itu, saya berharap agar semua Ahli Majlis dapat menguar-uarkan kepada penduduk di zon masing-masing untuk mengisi kaji selidik ini. Kaji selidik ini boleh diisi melalui pautan di laman web MPS, platform media sosial MPS atau imbas kod QR di skrin pancar.

6. PROGRAM SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI

- 6.1 Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan disambut tidak lama lagi, beberapa program akan diadakan antaranya Program Kembara Media anjuran Jabatan Penerangan Malaysia dengan kerjasama MPS pada 9 Mei 2023 bertempat di Gua Damai Extreme Park. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu mempromosikan lokasi menarik yang akan melibatkan seramai 30 orang rakan media daripada 19 agensi media.
- 6.2 Selain itu, Program Jelajah #KitaSelangor Aidilfitri Daerah Gombak juga akan diadakan pada 14 Mei 2023 bersamaan dengan 23 Syawal bertempat di Kawasan

Komersial Fasa 3, Taman Seri Gombak. Program ini merupakan kesinambungan Program Jelajah #KitaSelangor Penyayang yang telah diadakan sebelum ini. Program ini juga akan dihadiri oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan menjangkakan kehadiran sebanyak 30,000 orang pengunjung.

- 6.3 Disamping itu juga, InsyaAllah, Sambutan Aidilfitri Peringkat MPS akan diadakan pada 19 Mei 2023 bersamaan 28 Syawal bertempat di Pekarangan MPS. Program tahunan ini akan disambut meriah dengan kehadiran warga MPS dan ahli keluarga.
- 6.4 Diharapkan semua pihak dapat memberikan kerjasama komitmen yang jitu dan semoga segala program yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur.

7. UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

- 6.1 Akhir sekali, saya ingin Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga MPS yang beragama Islam. Syawal dirai, nikmat disyukuri, Maaf Zahir dan Batin. Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.